

03 OCT 2002

Mahathir-Melaka

DR MAHATHIR TIBA BAGI LAWATAN KERJA SEHARI KE MELAKA

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka Bandaraya Bersejarah.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali disambut Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam serta pemimpin dan pegawai kanan kerajaan negeri.

Aturcara pertama Dr Mahathir pada pukul 9 pagi ialah merasmikan konvensyen "Dunia Melayu Dunia Islam" di sebuah hotel terkemuka di sini.

Konvensyen kali ketiga itu mengumpulkan umat Melayu dan Islam dari seluruh dunia untuk membincangkan isu-isu kepentingan bersama seperti ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan teknologi maklumat.

Perdana Menteri selepas itu akan melawat Taman Buah-buahan Tropika di Selandar dan kemudiannya melawat kilang Composite Technology Research Malaysia (CTRM) di Batu Berendam.

CTRM baru-baru ini telah memeterai kontrak ketiganya dengan BAE Systems dari United Kingdom untuk pembuatan enam komponen sayap pesawat Airbus A320 satu lorong bernilai kira-kira RM300 juta.

Selepas CTRM, Perdana Menteri dijadual merasmikan Kilang Cubic Electronics Sdn Bhd di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh pada kira-kira pukul empat petang.

Cubic merupakan anak syarikat terbesar dan milik penuh Creative Technology Limited yang beribu pejabat di Singapura. Creative ialah peneraju dalam produk hiburan digital bagi komputer peribadi dan Internet.

Dr Mahathir kemudiannya dijadual melawat Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka dan Kompleks Inkubator K-Ekonomi di Ayer Keroh.

Perdana Menteri mengakhiri lawatan dengan merasmikan "Hang Tuah Mall" di Jalan Hang Tuah, projek berharga RM8.3 juta yang merupakan mercu tanda baru di pusat bandar Melaka sebelum berlepas pulang ke ibu negara pada kira-kira 9.30 malam.

-- BERNAMA

NO AFY RHM